

TARIKH : 26 JULAI 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Iskandar Malaysia bukti pelabur makin yakin dengan kerajaan

Iskandar Malaysia bukti pelabur makin yakin dengan kerajaan

Oleh EDDY HAMIDI

PUTRAJAYA – Pelabur asing semakin yakin untuk melabur di negara ini selepas Iskandar Malaysia mencatatkan pelaburan sebanyak RM13 bilion setakat Jun lalu di mana hampir setengah daripadanya telah pun di-realisasikan.


Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, lebih RM10 bilion bakal dijana oleh pelaburan asing di wilayah itu untuk pembangunan pusat data yang akan memberikan pertambahan peluang pekerjaan kepada Keluarga Malaysia.

“Secara keseluruhan, lebih 6,000 Keluarga Malaysia di wilayah ini telah mendapat manfaat secara langsung daripada semua inisiatif sosioekonomi yang telah dijalankan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdahulu, Ismail Sabri bersama Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz telah mempengerusikan Mesyuarat Ahli Pihak Berkuasa Wilayah Iskandar Malaysia (IRDA) di ibu negara.

Sejak penubuhannya, IRDA telah merekodkan sejumlah RM367.8 bilion yang digunakan untuk pelaburan domestik (RM219 bilion) dan asing (RM148.1 bilion).

Menurut Ismail Sabri, IRDA



ISMAIL SABRI (tengah) mempengerusikan Mesyuarat Ahli IRDA di ibu negara semalam.

turut merangka Strategi Pertanian Moden dalam mengukuhkan agenda Sekuriti Makanan.

“Pembangunan teknologi 5G yang merupakan komponen sokongan utama Pertanian Moden disegerakan di kawasan Iskandar Malaysia bagi menangani isu bekalan makanan dalam negara.

“Ini adalah sejajar dengan agenda kerajaan yang memberikan penekanan kepada sekuriti makanan melalui peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Pertanian Moden Iskandar Malaysia ini bakal menjenamakan IRDA sebagai ‘Agri-

food Hub’ Malaysia,” ujar beliau.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, IRDA juga sedang merangka Draf Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia 2022-2030 yang bakal menjadikan wilayah itu sebagai salah satu tunjang utama menjana ekonomi negara dengan berkonsepkan pembangunan mampan dan berdaya tahan terhadap ketidakpastian, kejutan dan tekanan masa depan.

“Pembangunan di wilayah ini amat penting bagi menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia secara inklusif dan menyeluruh,” tambah beliau.